

Kesepakatan PH-BN elak Malaysia jadi macam negara jiran

Marang: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia tidak akan ada kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) jika tiada kerjasama antara PH dan BN.

Mengambil contoh isu sama di negara jiran yang masih tidak ada kerajaan selepas pilihan raya, Perdana Menteri berkata, gabungan Kerajaan Perpaduan yang dibentuk membabitkan PH-BN juga dilakukan atas titah Yang di-Pertuan Agong.

“Kalau kita tidak pakat, hendak jadi macam Siam (Thailand). Siam (Thailand) sudah lama pilihan raya (tetapi) kerajaan masih tidak ada, Perdana Menteri tidak ada.

“Berbulan-bulan pilihan raya tak ada majoriti, *no government* (tiada kerajaan), *no minister* (tiada menteri) berbulan-bulan, jadi tuanku Agong (Yang di-Pertuan Agong) runding dengan Raja-Raja, kita tidak boleh macam ini yang tidak ada majoriti.

“Jadi, kita kena pakat (untuk wujudkan) Kerajaan Perpaduan, tetapi (Tan Sri) Muhyiddin (Yassin) tolak (cadangan Kerajaan Perpaduan) dan saya tidak mudah terima,” katanya berucap pada Ceramah Mega Jelajah Perpaduan MADANI Terengganu, di Pekan Wakaf Tapai, di sini, malam kelmarin.

Anwar berkata, pakatan antara PH dan BN membentuk kerajaan bertunjangkan usaha menjaga kepentingan negara serta kebajikan rakyat, selain akur dengan titah Agong dan Raja.

Beliau berkata, walaupun UMNO adalah lawannya sebelum ini, prinsip menjaga kepentingan Melayu dan Islam adalah sama, menyebabkan mereka bergabung untuk membangunkan negara.